

21/06/2001

Mohd Ali puji Wanita bebas politik wang

WAKIL Majlis Tertinggi Umno, Datuk Wira Mohd Ali Rustam memuji Pergerakan Wanita Umno kerana tidak langsung terbabit dengan politik wang semasa pemilihan bahagian lalu.

"Saya harap Wanita terus bersih daripada sebarang anasir politik wang kini dan selamanya," katanya pada akhir perhimpunan agung Wanita Umno petang semalam.

Beliau yang mengutarakan beberapa pantun turut gembira dengan pembabitan ramai Puteri Umno dalam perhimpunan ini.

"Ini mengesahkan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz memang menyokong penubuhan Puteri Umno. Kerjasama yang baik antara Puteri Umno dan Wanita perlu sebagai penyokong setia kepada perjuangan Barisan Nasional (BN) dan Umno," katanya.

Beliau berkata, sokongan Wanita dalam perjuangan Umno tidak dapat dinafikan, justeru langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menambah wanita dalam Kabinet dialu-alukan.

"Saya menyokong kerusi wanita ditambah lagi dalam Kabinet," katanya.

Mohd Ali juga meminta Wanita meneruskan agenda memperbanyakkan ahli dan pengundi bagi menyokong Umno dan BN.

(END)